

Empat rakyat Malaysia antara 30 yang didakwa kerana pencerobohan Sulu
Malaysian Insider
July 2 , 2013
OLEH ELIZABETH ZACHARIAH

Empat rakyat Malaysia adalah diantara 30 orang yang didakwa mengikut Akta Langkah-Langkah Pencegahan Khas 2012 (Sosma) berhubung dengan pencerobohan warga Sulu di Lahad Datu awal tahun ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Dr. Wan Junaidi Jaafar mengatakan ini termasuk salah seorang penduduk tetap dalam jawapannya kepada soalan dari ahli Parlimen Kinabatangan Datuk Bung Mokhtar Radin di Parlimen hari ini.

Bung Mokhtar juga bertanya kepada Wan Junaidi yang juga merupakan ahli Parlimen Santubong mengapa kerajaan mengambil masa terlalu lama untuk mengambil tindakan terhadap pengganas, di mana timbalan menteri itu mengatakan ini adalah kerana kerajaan mahu mengetahui sebab di belakang pencerobohan sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Ia melibatkan warga asing dari negara lain," katanya dan menambah bukan mudah untuk menyiasat apa yang penceroboh mahukan. – 2 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/empat-rakyat-malaysia-antara-30-yang-didakwa-kerana-pencerobohan-sulu/>